NO. SOALAN: 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]**
TARIKH	**:**	**10 JULAI 2024 (RABU)**

SOALAN

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan baru-baru ini KLIA mendapat ranking 71 di dunia dalam perbandingan perkhidmatan lapangan terbang. Mohon Kerajaan menjelaskan apakah punca, masalah ranking tersebut begitu rendah dan apakah langkah yang akan diambil untuk meningkatkan lagi ranking KLIA pada masa akan datang.

NO. SOALAN: 84

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedia maklum berhubung penurunan kedudukan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dalam penilaian Skytrax, iaitu dari tempat ke-67 pada tahun 2023 ke tempat ke-71 pada tahun 2024.

2. Antara punca penurunan kedudukan KLIA dalam penilaian Skytrax adalah disebabkan masalah aerotrain yang dijangka dapat diselesaikan menjelang 2025. Selain itu, KLIA juga menghadapi cabaran-cabaran pasca-pandemik dan persaingan sengit daripada lapangan-lapangan terbang antarabangsa yang baru.

3. Selain daripada penilaian Skytrax, MAHB turut melalui proses penanda aras perkhidmatan utama lapangan terbang iaitu '*Airport Service Quality'* oleh *Airports Council International* (ACI) yang merupakan sebuah badan antarabangsa lapangan terbang yang diiktiraf secara global, yang mana KLIA telah mencatatkan markah yang tinggi iaitu 4.998 dari 5.00 bagi tahun 2023.

4. Sebagai langkah susulan untuk membantu menaikkan semula kedudukan KLIA dalam penilaian Skytrax, pihak MAHB telah melaksanakan sesi audit bersama wakil Skytrax untuk menilai prestasi KLIA Terminal 1 dan Terminal 2 pada 22 hingga 25 April 2024. Laporan akhir dari pihak Skytrax telah diterima pada 20 Mei 2024 dan pihak MAHB kini sedang giat mengenal pasti elemen-elemen perkhidmatan lapangan terbang yang perlu di tambah baik.

5. Pada masa yang sama, beberapa inisiatif sedang dilaksanakan pihak MAHB, antaranya seperti menaik taraf ruang komersil, mengubahsuai surau, memperkenalkan sistem daftar masuk penumpang secara *seamless* di kiosk dan ruang letak bagasi, penambahan kaunter imigresen, memperluas penggunaan sistem *Autogate* kepada

penumpang dari 63 buah negara serta penggantian set *Aerotrain* yang baharu.

Sekian, terima kasih.